



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

***Untuk Siaran Segera***

## **KERJA PEMBINAAN KRITIKAL BOLEH DITERUSKAN SEPANJANG PKP**

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kerja Raya ingin merujuk kepada Perutusan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021 mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam negeri iaitu Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Selangor, Pulau Pinang dan Sabah.

Bagi mengawal penularan wabak COVID-19 di dalam Sektor Pembinaan, semua kerja pembinaan di dalam negeri-negeri yang terlibat perlu dihentikan sepanjang PKP yang bermula pada 13 Januari 2021. Akan tetapi, bagi memastikan kelangsungan sektor pembinaan, pengecualian adalah diberikan ke atas kerja-kerja berikut yang dimasukkan ke dalam **Senarai Perkhidmatan Perlu**:

I. **Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal**, iaitu kerja yang mana jika tidak diteruskan boleh mendatangkan bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran. Antara kerja yang dibenarkan adalah:

- a) Pembaikan cerun
- b) Pembaikan jalan
- c) Pembaikan dan penyelenggaraan jalan
- d) Pembaikan bangunan / pejabat
- e) Pembaikan kediaman perseorangan
- f) Kawalan pengurusan trafik
- g) Pemeriksaan berkala dan pembaikan berkala lif/*travelator*/*escalator* serta peralatan mekanikal dan elektrik lain yang kritikal
- h) Pembaikan, penyelenggaraan dan naik taraf premis-premis perkhidmatan kritikal
- i) Pembaikan *traffic light*
- j) Pembinaan *Baikey Bridge* di lokasi jambatan roboh
- k) Kerja-kerja pembinaan terowong
- l) Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak
- m) Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk *Aedes* dan haiwan perosak lain
- n) Kerja-kerja lain yang tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

II. **Kerja-kerja Pembinaan Infrastruktur Awam Utama;** kerja-kerja ini banyak menggunakan jentera atau tidak melibatkan ramai pekerja berkumpul di satu tempat atau jauh dari orang awam atau lokasi tapak bina di kawasan yang terpencil. Antara kerja yang dibenarkan;

- a) Lebuhraya dan jalan raya
- b) Jambatan dan viaduct
- c) Landasan Transit Aliran Ringan (LRT) dan Mass Rapid Transit (MRT)
- d) Infrastruktur berkaitan elektrik
- e) Infrastruktur berkaitan telekomunikasi
- f) Infrastruktur berkaitan empangan, saliran dan pembentungan
- g) Infrastruktur berkaitan minyak dan gas.

III. **Kerja-kerja Pembinaan Bangunan;** dibenarkan untuk projek yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) dan majikan perlu menyediakan pengangkutan pekerja dari CLQ ke tapak bina dan balik ke CLQ. Kedua-dua penginapan di tapak bina dan CLQ perlu mematuhi Akta 446 (Akta Standard Minimum, Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990).

IV. **Perkhidmatan Profesional/Perunding** hanya boleh dilaksanakan bagi kerja-kerja yang dibenarkan beroperasi seperti yang tersenarai di Item I-III. Pihak Profesional/Perunding bertanggungjawab mematuhi sepenuhnya Prosedur Standard Operasi (SOP) yang ditetapkan. Perkhidmatan Profesional/Perunding perlu memastikan tenaga kerja yang minimum dan hanya melaksanakan tugas yang dianggap kritikal ketika berurusan di tapak bina.

V. **Perkhidmatan lain di dalam rantai bekalan** seperti bekalan bahan binaan, penghantaran bahan dan sebagainya dibenarkan tetapi terhad kepada tapak bina yang diluluskan beroperasi berdasarkan kepada kerja-kerja yang tersenarai di Item I-III. Semua pihak yang terlibat dalam rantai bekalan adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam mematuhi SOP yang ditetapkan seperti memastikan pengangkutan yang digunakan dan bahan yang dihantar telah disanitasi, merekodkan suhu ketika masuk tapak dan merekodkan pergerakan keluar masuk tapak.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Maklumat terperinci jenis-jenis kerja ini akan dinyatakan dengan jelas di bawah **Prosedur Standard Operasi (SOP) Sektor Pembinaan**.

## **PERMOHONAN KEBENARAN BEROPERASI**

Kebenaran beroperasi untuk semua kategori syarikat pembinaan yang terlibat dengan sesuatu projek, perlu diperolehi dari MITI melalui portal CIMS MITI (*COVID-19 Intelligent Management System*) di notifications.miti.gov.my.

## **KAWALAN PERGERAKAN PEKERJA BINAAN**

Bagi memastikan tiada penularan wabak COVID-19 dari tapak bina ke komuniti setempat, kawalan pergerakan keluar masuk pekerja binaan ke tapak pembinaan dan penginapan pekerja (CLQ) perlu diambil berat. Para kontraktor juga perlu menyediakan pengangkutan terhad untuk membawa pekerja dari CLQ ke tapak bina dan balik ke CLQ tanpa persinggahan ke lain-lain tempat. Oleh itu, kontraktor perlu memastikan semua keperluan harian pekerja di tapak pembinaan termasuk makanan dan keperluan pembersihan diri disediakan sepenuhnya bagi mengelakkan pekerja mereka perlu ke kedai runcit atau gerai makanan yang akan menyebabkan pergaulan berlaku dengan penduduk setempat.

Bagi mengelakkan penularan wabak dari satu tapak pembinaan ke tapak yang lain, semua pekerja binaan tidak dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke satu tapak bina yang lain sepanjang tempoh PKP ini.

Pegawai Penguasa Projek adalah bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan SOP sepenuhnya apabila kerja-kerja pembinaan dijalankan sepanjang tempoh PKP.

Sebarang pertanyaan mengenai operasi sektor pembinaan sepanjang PKP boleh diajukan kepada **CIDB Careline di talian 03-5567 3300** (Waktu Operasi dari Isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang)

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF**  
**MENTERI KANAN INFRASTRUKTUR – MENTERI KERJA RAYA**  
**12 JANUARI 2021**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my